

Kemasukan 1.5 juta pekerja Bangladesh bertentangan RMK11, kata MTUC

The Malaysian Insider

August 12, 2015

Oleh Yasmin Ramlan

Cadangan membawa masuk 1.5 juta pekerja dari Bangladesh ke Malaysia secara berperingkat dalam tempoh 3 tahun, bertentangan dengan objektif Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) mengurangkan kebergantungan pekerja asing berkemahiran rendah, kata Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) N Gopal Krishnam (gambar, kanan).

Beliau melahirkan kebimbangan dengan jumlah pekerja asing yang terlalu ramai di negara ini, Malaysia tidak akan dapat mencapai status negara maju pada tahun 2020.

"Saya memang tidak setuju dengan kerajaan nak bawa masuk 1.5 juta (pekerja dari Bangladesh). Ini lebih kurang jumlah rakyat Kelantan. Saya tak nampak sebab mengapa kita perlu bawa. Padahal sudah begitu banyak pekerja asing tanpa izin.

"Pekerja tempatan memang tiada harapan untuk bekerja kerana majikan walau apapun, mereka akan hanya cari pekerja yang mereka perlu bayar gaji rendah," katanya kepada The Malaysian Insider.

Katanya, ini kerana kebanyakan pekerja tempatan terikat dengan pelbagai komitmen dan memerlukan gaji yang sesuai untuk menampung kos kehidupan mereka.

Beliau berpendapat, majikan akan mempertimbangkan antara terpaksa membayar gaji yang tinggi kepada pekerja tempatan dan menggaji pekerja asing dengan membayar kurang daripada gaji minima RM900 dan mampu bekerja lebih masa tanpa bayaran "overtime".

"Ini sentiasa berlaku dan (Malaysia) tidak akan mencapai negara maju pada 2020 di mana purata gaji seorang pekerja adalah RM5,000.

"Dengan keadaan sekarang, majikan hanya akan beri (pekerjaan) kepada pekerja asing dan risiko begitu tinggi kepada pekerja tempatan," katanya.

Gopal turut mempersoalkan mengapa Malaysia masih mengharapkan kepada buruh berskala rendah kerana berpendapat berdasarkan RMK11, ia sudah tidak relevan dengan objektif negara.

"Adakah ini sesuai? Apabila kita mendapat kemerdekaan, kedudukan kita dengan Singapura ataupun Korea tiada beza. Tapi lihat di mana tahap Malaysia sekarang?"

Pada Jun, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, 1.5 juta pekerja dari Bangladesh akan dibawa ke Malaysia untuk memenuhi permintaan majikan daripada pelbagai sektor, terutamanya yang melibatkan pekerjaan yang

"kotor, berbahaya dan sukar."

Beliau berkata, kerajaan tidak mempunyai pilihan selain berbuat demikian kerana pekerja Malaysia "memilih kerja".

Tetapi MTUC bimbang, pergantungan kepada pekerja asing tidak akan membantu menaikkan gaji pekerja, yang sebahagian besarnya kaku tidak bergerak atau dilihat hanya meningkat secara marginal.

Gopal juga berkata, Malaysia tidak akan mencapai objektif RMK11 kerana berdasarkan statistik Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP), lebih 40% pekerja tempatan berpendapatan kurang RM2,000 sebulan.

Manakala, lebih 65% keluarga di mana pasangan suami isteri bekerja, berpendapatan kurang daripada RM3,500.

"Adakah pada 5 tahun yang akan datang boleh digandakan gajinya?" soalnya.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) Datuk Shamsuddin Bardan turut sependapat, mengatakan peluang pekerja tempatan akan lebih terjejas dengan kemasukan pekerja asing di negara ini.

"Sebenarnya kalau kita lihat pada tahun ini, pasaran kerja memang agak lembap. Ini kita ketahui kerana terutamanya di sektor awam, kerajaan ada polisi tidak mengambil pekerja baharu," katanya kepada The Malaysian Insider.

Secara tidak langsung, ia akan mengakibatkan peluang pekerjaan yang tertutup dalam sektor tersebut.

Manakala di sektor swasta pula katanya, kebanyakan majikan tidak mengambil pekerja dan memilih untuk tidak menggantikan mereka yang diberhentikan ataupun bersara.

"Ada juga syarikat-syarikat yang menjalankan kaedah pemberhentian kerja, MSS (Skim Pemisahan Bersama), VSS (Skim Pemberhentian Kerja Secara Sukarela), dan sebagainya.

"Jadi kita memang jangkakan keadaan ini akan berterusan hingga akhir tahun dan kemungkinan besar masuk hingga tahun depan. Peluang pekerjaan kepada pekerja baharu memang agak sukar sebenarnya," katanya.

Beliau menjangkakan kadar pengangguran akan semakin meningkat sekiranya keadaan ini terus berlaku.

"Sekarang kita ada kira-kira 3.1 hingga 3.2% (kadar pengangguran) dan mungkin akan meningkat sehingga mencecah 4%. Itu jangkannya," katanya.

Menangkis salah faham yang timbul berkenaan perkara itu, Zahid selepas

pengumuman itu menerangkan, kemasukan 1.5 juta warga Bangladesh itu adalah bagi menggantikan pekerja asing yang akan dihantar balik ke negara asal.

Katanya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengadakan perbincangan dengan beberapa negara untuk mengeluarkan dokumen perjalanan satu hala dalam usaha menghantar semula pekerja asing tanpa izin pulang ke negara asal.

Bagaimanapun Shamsuddin berkata, hasrat kerajaan menghantar pulang pekerja asing itu mungkin satu tindakan yang agak sukar dilakukan.

"Kita tahu mereka pulang, tetapi kita lihat jumlah pekerja asing tanpa izin bukan menurun tetapi meningkat," katanya.

Pada masa yang sama beliau turut menegaskan agar peluang pekerjaan perlu diberikan keutamaan kepada rakyat tempatan berbanding pekerja asing.

"Kalau kita lihat, dulu ramai rakyat tempatan yang semasa cuti sekolah atau cuti semester, mudah mendapat pekerjaan separuh masa di stesen minyak atau restoran makanan segera dan sebagainya.

"Tetapi trend sekarang saya perhatikan, kalau pekerja tempatan ingin mendapatkan pekerjaan sementara, mereka akan ditolak dan mengatakan tiada kekosongan.

"Jadi saya merasakan keadaan ini tidak seharusnya berlaku dan kita harus memberikan ruang yang lebih tinggi lagi kepada pekerja tempatan," katanya.

Cara Malaysia mengendalikan pengambilan pekerja dari Bangladesh bagaimanapun dikritik media di negara ini kerana kurangnya ketelusan dan didakwa seperti ada pakatan sulit antara sektor swasta dan kerajaan kedua-dua negara.

Portal berita Bangladesh, The Daily Star menerbitkan satu siri berita baru-baru ini mengenai kegagalan perjanjian antara kerajaan dalam hal pengambilan pekerja Bangladesh ke Malaysia akibat tekanan daripada sektor swasta dan ejen yang mengalami kerugian dari urusan itu.

Malaysiakini melaporkan adik Zahid akan meraih keuntungan daripada rancangan membawa masuk pekerja Bangladesh itu melalui syarikatnya yang menyediakan perkhidmatan IT bagi mendaftar, mengurus dan memantau pengambilan pekerja ini.

Portal berita itu mengatakan, Datuk Abdul Hakim Hamidi dan syarikatnya Realtime Networking Sdn Bhd sedang berbincang dengan Dhaka dan Putrajaya untuk menyediakan satu sistem pengurusan bagi tujuan itu.

Kementerian Dalam Negeri yang diterajui Zahid menguruskan kelulusan bagi pengambilan pekerja asing ke Malaysia.

Bagaimanapun, Hakim menafikan dakwaan nepotisme, menegaskan beliau berpengalaman dalam bidang IT.

Turut diterbitkan nota Zahid kepada ketua setiausaha kementerian itu berhubung permohonan Realtime menyediakan sistem kemasukan secara talian pekerja Bangladesh ke Malaysia.

Semalam, Zahid menjelaskan nota berkenaan bersifat umum dan bukan satu bentuk arahan atau kelulusan. – 12 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kemasukan-1.5-juta-pekerja-bangladesh-bertentangan-rmk11-kata-mtuc>